

**Presiden Gerakan Minta Anggota Parti Terima Siapa Bakal Dipilih Menjadi Calon Bernama**  
**16 Oktober, 2011**

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon meminta semua anggota parti supaya menerima calon yang diputuskan pucuk pimpinan parti untuk bertanding pada pilihan raya umum ke-13 akan datang.

Koh berkata Gerakan telah memulakan proses penilaian calon untuk pilihan raya itu dengan menemuduga mereka yang berpotensi sejak setahun lepas.

"Pada pilihan raya nanti, pemilihan calon adalah sangat penting. Pihak kepimpinan parti telah pun memulakan proses penilaian dengan mewawancara calon berpotensi semenjak setahun yang lalu.

"Kita telah dan akan sentiasa memberi peluang yang adil kepada semua yang berminat menjadi calon dengan fikiran yang terbuka," katanya ketika menyampaikan ucapan Presiden pada Persidangan Perwakilan Nasional ke-40 2011, yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, di Menara PGRM di sini hari ini.

Dengan nada bersemangat, Koh kemudian bertanya kepada perwakilan sama ada mereka menerima atau tidak pemilihan calon oleh pucuk pimpinan parti nanti.

"Jadi, anda semua sedia untuk menerima keputusan itu? Anda semua sedia untuk menyokong keputusan itu?" katanya.

Laungan pertanyaan Koh itu disahut dengan jawapan "Ya" oleh perwakilan yang berada di Dewan Wawasan disaksikan Najib.

Koh berkata apabila keputusan muktamad mengenai calon dibuat, anggota parti itu perlu menerimanya dengan semangat Satu Hati, iaitu slogan parti itu.

Beliau berkata sebagai presiden parti, beliau akan membuat keputusan pemilihan calon pilihan raya dengan pertimbangan sewajarnya.

"Sebagai presiden, saya akan membuat keputusan sepenuhnya dengan mengutamakan kepentingan parti dan saya pasti akan sama-sama berjuang dengan anda semua," katanya.

Koh turut menyifatkan Pulau Pinang sebagai 'padang jarak padang tekukur' dan menyanjung usaha jentera parti Gerakan bersama rakan dalam Barisan Nasional (BN) di Pulau Pinang yang aktif bergerak di akar umbi mempersoalkan ketanggungjawaban kerajaan DAP.

"Gerakan akan memperhebatkan usaha kami untuk memimpin BN di Pulau Pinang untuk bersama menyediakan wawasan alternatif, iaitu satu wawasan yang dapat merangkumi semangat 1Malaysia," katanya.

Beliau turut menempelak Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng yang kini mula menunjukkan 'belang' sebenar dalam mentadbir Pulau Pinang.

"Pemimpin-pemimpin utama pakatan pembangkang kini mulai menunjukkan belang mereka. Ini diperlihatkan oleh tabiat Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng yang begitu taksub menuntut pujian orang ramai di atas jasa yang bukan dilakukannya.

"Malah beliau sering memalukan dan memperlekehkan orang lain semata-mata ingin menegakkan benang yang basah, Gerakan akan terus mendedahkan sebarang percanggahan dan kecacatan dari pakatan pembangkang," katanya.

Mengenai politik, Koh berkata BN tidak harus gentar kepada persaingan dalam sistem politik dua barisan malah semua harus menyokong dan mendokong sistem itu.

"BN telah mendapat pengajaran dalam pilihan raya umum lepas, bahawa rakyat adalah seperti air dan kerajaan seperti kapal dan mengikut pribahasa Cina air boleh menimbulkan kapal dan air juga boleh menenggelamkan kapal.

"Datuk Seri Najib pernah menegaskan bahawa BN harus berubah atau ia akan diubah," kata Koh.

Sehubungan itu, Koh mengajak parti komponen BN supaya bekerjasama dengan lebih erat untuk memperkasakan falsafah 1Malaysia yang menguatkan lagi amalan persefahaman antara kaum di dalam lingkungan BN.

Selain itu Koh dalam ucapannya turut mencadangkan penubuhan sebuah Suruhanjaya Keharmonian Negara dan Hubungan Kaum untuk melindungi hak pelbagai kaum yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Beliau turut mencadangkan nama baru bagi akta yang bakal menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 kelak sebagai Akta Keharmonian Negara kerana mengawal dan mengekalkan keharmonian negara daripada keganasan dan ekstremisme.

Dalam sidang akhbar selepas perasmian persidangan, Koh yang ditanya mengenai reaksinya jika kerusi Ketua Menteri Pulau Pinang diberikan kepada parti komponen lain dalam BN jika BN memenangi pilihan raya umum akan datang, berkata:

"Soalan itu tidak sepatutnya diajukan sekarang kerana fokus yang lebih penting kini ialah untuk meraih kembali sokongan pengundi dan rakyat di Pulau Pinang.

Ditanya sama ada beliau sudah mempunyai barisan bayangan kerajaan negeri Pulau Pinang jika diberi mandat oleh rakyat, Koh berkata Gerakan akan mengumumkannya apabila tiba masanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620194>